

15 JAN 2003

Adnan-Roboh

FLET INDERA MAHKOTA DIROBOH DALAM TEMPOH DUA MINGGU

KUANTAN, 15 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri mahu kerja merobohkan 17 blok bangunan flet lima tingkat yang terbiar di Bandar Indera Mahkota di sini dimulakan selewat-lewatnya dalam tempoh dua minggu.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, Kerajaan Negeri telahpun mengesahkan keputusan penawaran kerja merobohkan bangunan flet itu hari ini dan meminta kerja-kerja itu dapat dimulakan dengan segera.

Menurutnya, kerja-kerja merobohkan flet itu akan menelan belanja lebih kurang RM2.7 juta dan kontraktor terbabit ditentukan oleh Jawatakuasa Tender Negeri yang dipengerusikan oleh pegawai kewangan negeri.

"Kerajaan negeri mahukan kerja meroboh bangunan flet itu dibuat segera ataupun selewat-selewatnya dalam tempoh dua minggu ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Bangunan 17 blok flet lima tingkat dengan 1,360 unit rumah itu siap dibina pada tahun 1989, bagaimanapun pada 1995 semua penghuninya diarah mengkosongkan flet itu apabila struktur bangunannya didapati tidak selamat.

Bangunan itu yang kini terbiar, dikatakan sebagai antara punca meningkatnya kejadian demam denggi di kawasan sekitar hingga menyebabkan kematian seorang kanak-kanak berusia enam tahun pada 1 Jan lepas.

Bagaimanapun ketika ditanya sama ada perobohan itu akan dapat menyelesaikan masalah demam denggi, Adnan berkata beliau tidak percaya masalah itu akan dapat diselesaikan sepenuhnya hanya dengan perobohan itu.

Menurut beliau, ia tidak akan dapat menyelesaikan secara keseluruhan masalah berkenaan selagi terdapatnya penduduk di kawasan berkenaan tidak mengubah sikap mereka dalam menjaga kebersihan kawasan sekitar rumah mereka.

"Saya tidak percaya dengan robohnya flet itu dan pembersihan kawasan itu demam denggi akan hilang seratus peratus, kita mesti ingat tempat lain pun diserang oleh wabak denggi.

Sementara itu ketika ditanya mengenai arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya setiap Kerajaan Negeriewartakan segera undang-undang keluarga Islam, Adnan berkata, Pahang telahewartakan perundangan Keluarga Islam Negeri pada tahun lepas.

Menurutnya, perkara itu telah diperkenankan oleh Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah selaku Ketua Agama Negeri pada 5 Dis 2002 di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

-- BERNAMA

HIS PR